


GARIS  
PANDUAN  
PENGUNAAN  
SISTEM  
ECTRADE BAGI  
EKSPORT  
PRODUK  
PETROLEUM



DISEDIAKAN OLEH:  
BAHAGIAN KAWAL SELIA  
PETROLEUM (BKSP)

# GARIS PANDUAN PENGGUNAAN SISTEM eCTrade (MODUL EKSPORT PRODUK PETROLEUM)

---

## 1. SISTEM eCTade

Sistem eCTrade diwujudkan sebagai platform permohonan kebenaran mengeksport barang kawalan, termasuk **Produk Petroleum Tidak Bersubsidi** di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Larangan Eksport) 2011. Objektif eCTrade adalah seperti berikut.

- a. Menyediakan platform digital bagi permohonan kebenaran eksport barang kawalan;
- b. Mempercepatkan proses pertimbangan permohonan kebenaran eksport barang kawalan;
- c. Meningkatkan *ease of doing business*;
- d. Meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan Kerajaan; dan
- e. Meningkatkan kredibiliti KPDNHEP.

## 2. PENGGUNA MODUL EKSPORT PRODUK PETROLEUM

- a. Pengguna Modul ini adalah syarikat yang akan mengeksport petroleum yang terdiri daripada dua (2) kategori pemohon:
  - i. Syarikat Pengilang Minyak; dan
  - ii. Wakil pengedar atau ejen eksport yang dilantik oleh Pengilang Minyak.
- b. Permohonan eksport oleh wakil/ejen yang dilantik oleh Pengilang Minyak perlulah mengemukakan surat permohonan pembekal yang dikeluarkan oleh Pengilang Minyak selaras dengan ketetapan di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Larangan Eksport) 2011 yang memperuntukkan bahawa mana-mana orang tidak boleh mengeksport diesel, petrol RON95 dan gas petroleum cecair (LPG) ke mana-mana destinasi kecuali **pengilang barangan tersebut** mendapat kebenaran Pengawal Bekalan.

### 3. TATACARA PERMOHONAN EKSPORT PETROLEUM

#### 3.1 Pendaftaran Sebagai Pengguna

- a. Semua pemohon baru perlu mendaftar akaun syarikat sebelum mengakses sistem eCTrade di bahagian daftar pengguna.

#### 3.2 Pengaktifan Akaun Pengguna

- a. Pemohon akan menerima emel notifikasi bagi pengaktifan akaun melalui emel yang telah didaftarkan.

#### 3.3 Log Masuk

- a. Pemohon hendaklah log masuk menggunakan akaun yang telah diaktifkan dengan menggunakan No. ID syarikat dan Kata Laluan yang telah didaftarkan. Pemohon perlu mengemaskini mengisi Profil Syarikat dengan memuat naik salinan dokumen dan mengisi maklumat seperti berikut:
  - i. Alamat Syarikat Tarikh Penubuhan
  - ii. No. Telefon Pejabat
  - iii. No. Faks Pejabat
  - iv. Status Syarikat
  - v. Jenis Syarikat
  - vi. Alamat Pendaftaran (SSM)
  - vii. Alamat Perniagaan (SSM)
  - viii. Alamat Permohonan
  - ix. Sijil Pendaftaran syarikat
  - x. Lesen CSA Borong (Muat naik)
  - xi. Kebenaran PDA Borong (Muat naik)
  - xii. Lesen CSA Borong Ejen (Muat naik)
  - xiii. Kebenaran PDA Borong Ejen (Muat naik)

#### 3.4 Tempoh Permohonan

- a. Pemohon perlu mengemukakan permohonan **sekurang – kurangnya 14 hari sebelum tarikh eksport yang dirancang.**

### 3.5 Maklumat Permohonan

- a. Jenis kebenaran yang dipohon
  - Pemohon hendaklah memilih Aktiviti Eksport.
- b. Produk
  - Pemohon hendaklah memilih Produk Petroleum.
- c. Jenis Produk
  - Pemohon hanya boleh memilih **satu sahaja produk petroleum bagi setiap permohonan** seperti berikut:
    - i. RON95
    - ii. Diesel
    - iii. LPG
- d. Maklumat Pemohon
  - Pemohon hendaklah mengisi maklumat seperti berikut:
    - i. Nama Syarikat
    - ii. Alamat Syarikat
    - iii. Alamat Kilang / Gudang
    - iv. No. Telefon Pejabat
    - v. Nama Pegawai Perhubungan
    - vi. No. Telefon Bimbit Pegawai Perhubungan
    - vii. Emel
    - viii. No Lesen PDA
    - ix. Tarikh Tamat Lesen PDA
    - x. No Lesen CSA
    - xi. Tarikh Tamat Lesen CSA
- e. Maklumat Eksport
  - Pemohon perlu mengisi maklumat – maklumat seperti berikut:
    - i. Nama Wakil Penedar (Malaysia)
    - ii. Nama Syarikat Pembekal
    - iii. Nama Pembeli
    - iv. Negara Pembeli
    - v. Depoh Bekalan Eksport
    - vi. Pelabuhan Eksport
  - semua permohonan eksport petroleum yang melalui **mana-mana pelabuhan di Sabah** perlu dikemukakan kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) Negeri Sabah untuk mendapatkan ulasan daripada

JKKN Sabah sebelum dikemukakan kepada Kementerian ini.

f. Laluan Eksport

- Sekiranya pemohon memilih laluan laut – Jeti (bot), pemohon dikehendaki memuat naik salinan surat kelulusan jeti persendirian yang diluluskan oleh Jabatan Kastam.

g. Dokumen Sokongan

- Pemohon perlu mengemukakan dokumen sokongan wajib seperti berikut :

- Surat Permohonan eksport (dikeluarkan oleh Syarikat PengilangMinyak)
- Invois/Pesanan Pembelian
- Surat Niat/LO/Kontrak

- Sekiranya permohonan melibatkan **NEGERI SABAH** atau melibatkan laluan laut – jeti, pemohon perlu mengemukakan dokumen sokongan tambahan seperti berikut:

- Surat kelulusan (ulasan) daripada JKKN Sabah oleh MKN Sabah
- Surat kelulusan jeti persendirian oleh Jabatan Kastam

h. Kuantiti

- Jumlah yang dipohon untuk dieksport
- Unit eksport dalam Metrik Tan (MT) sahaja.

i. Ulasan Pemohon

- Pemohon boleh memberi sebarang ulasan berkaitan permohonan tersebut atau perkara – perkara berkaitan yang perlu dimaklumkan kepada Pegawai.

#### 4. STATUS DAN KEPUTUSAN PERMOHONAN

- Pemohon boleh menyemak status permohonan melalui sistem eCTrade dari semasa ke semasa.
- Piagam Pelanggan bagi tempoh keputusan permohonan adalah 7 hari bekerja.
- Permohonan yang diluluskan akan disertakan dengan surat kelulusan daripada Kementerian melalui sistem eCTrade.

## 5. HELPDESK

Sebarang pertanyaan lanjut berkenaan Modul Eksport Produk Petroleum boleh dirujuk kepada Pegawai berikut:

- a. Encik Najib Zakuan Bin Md. Ali  
Tel : 03-8882 7099  
Emel : [najibzakuan.ali@kpdn.gov.my](mailto:najibzakuan.ali@kpdn.gov.my)
- b. Puan Jaya Priya Vasana  
Tel : 03-8882 7011  
Emel : [jayapriya.vasana@kpdn.gov.my](mailto:jayapriya.vasana@kpdn.gov.my)

### **SENARAI RINGKASAN DOKUMEN PERMOHONAN YANG DIPERLUKAN**

#### **MUATNAIK DI PROFIL SYARIKAT**

- 1) PDA mengilang daripada MITI (Syarikat Pembekal/Pengilang);
- 2) Lesen PDA Borong (Syarikat Pembekal/Pengilang);
- 3) Lesen CSA Borong (Syarikat Pembekal/Pengilang).
- 4) Lesen PDA Borong (Syarikat Wakil Penedar/Ejen); dan
- 5) Lesen CSA Borong (Syarikat Wakil Penedar/Ejen).

#### **MUATNAIK DI PERMOHONAN**

- 1) Surat permohonan mengeksport bahan petroleum syarikat pemohon daripada syarikat minyak (pembekal/pengilang) (**Surat Permohonan Eksport**);
- 2) LO/dokumen daripada syarikat luar negara yang ingin membeli bahan petroleum daripada syarikat (**Surat Niat**); dan
- 3) Surat kebenaran (ulasan) daripada JKKN Sabah yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) Negeri Sabah (bagi semua permohonan eksport di Negeri Sabah) (**Surat Kelulusan MKN**).